

Dilema bersuami 'emm'

Isteri makan hati tidak mendapat kasih sayang sebagaimana diharapkan

Soalan

SAYA berusia 23 tahun, sudah berkahwin selama tiga tahun dan mempunyai cahaya mata berusia empat bulan.

Saya mempunyai masalah dengan sikap suami yang mempunyai ego tinggi.

Dia juga pendiam dan jarang bercakap. Dia hanya akan bercakap jika rasa perlu atau mahu saja.

Andai masa itu dia tidak mahu bercakap, dia akan buat tidak tahu saja dengan semua pertanyaan.

Jika saya bertanya juga, dia hanya akan menjawab 'emm', 'ahh' dan 'entah'.

Satu lagi perangnya yang saya tidak boleh tahan dan menyakitkan hati ialah dia suka keluar rumah tanpa memberitahu ke mana dia pergi.

Dia memperlakukan saya seolah-olah tidak wujud dan tunggu-kayu di hadapannya.

Dalam hubungan rumah tangga, pastinya si isteri mahu dilayan dengan baik, bergurau senda bersama dan dimanjakan.

Namun, saya hanya dapat

merasai kemesteraan itu apabila dia ingin bersama saja.

Tolonglah saya Dr, saya tidak tahu bagaimana mengatasi masalah ini.

Saya juga tidak tahu cara yang betul untuk menasihatinya kerana takut dia akan marah jika ditegur. Saya benar-benar makan hati dengan perangnya.

Isteri kecewa
Sungai Petani, Kedah

Soalan

DR memahami tekanan adik. Harapan suami akan menjadi tempat berlindung dan berkasih sayang selepas berumah tangga nyata tidak kesampalan dek sikap suami adik.

Sebagai ketua keluarga, suami adik seharusnya mengemudi rumah tangga dengan baik dan disulami dengan kasih sayang.

Dr tidak tahu apakah punca menyebabkan suami adik tinggalkan egonya. Adakah disebabkan faktor didikan keluarga atau jarak umur antara adik dan suami? Mungkin juga kerana

MESRA... setiap wanita pasti idamkan suami yang pandai menunjukkan kasih sayang.



perkahwinan adik dengannya bukan atas dasar cinta atau disebabkan personaliti dan sikap semula jadinya.

Narcissistic personality disorder (NPD) dicirikan sebagai seorang yang mempunyai pola perlakuan yang tinggi sifat egonya dan sentiasa ingin dipuji serta kurang sifat simpati mengikut Diagnostic and Statistical Manual of mental Disorder Fourth Edition or DSM-IV.

Individu yang mempunyai NPD memandang rendah kebolehan dan pencapaian orang lain di samping bersikap sombong. Personaliti jenis ini melihat

kerja dan keperluan mereka sangat penting serta tidak sensitif dengan keperluan orang lain.

Kebiasaannya, konsep sendiri NPD adalah rendah dan mempunyai ego yang tinggi serta sentiasa mencuba untuk mengatasi konsep sendiri mereka yang rendah. Mereka juga merasa tidak mempunyai masalah. Andai punya masalah, mereka takut untuk mengakui dan membuka diri.

Dr tidak dapat mengatakan sama ada suami adik adalah penghidap NPD atau tidak.

Dia mungkin mempunyai sebab tersendiri untuk tidak

bercakap serta keluar rumah tanpa memberitahu adik. Mungkin suami adik tidak menganggap sikapnya itu mendatangkan sebarang masalah.

Dengan sikap adik yang tidak berani menegur atau berbincang, ia mungkin menambahkan lagi kepercayaannya bahawa apa saja yang dilakukannya tidak melukai hati adik.

Oleh itu, adik perlu hilangkan perasaan takut untuk berbincang dengan suami mengenai perasaan adik. Berdasarkan masalah adik ini, Dr berpendapat suami adik bukanlah seorang yang agresif.

Dia cuma tidak banyak bercakap, keluar rumah tanpa memberitahu serta hanya akan bermesra dengan adik apabila ingin bersama.

Gunakan waktu yang sesuai iaitu ketika bermesra dengan adik untuk menjelaskan perasaan adik.

Usaha adik ini sekurang-kurangnya dapat memberitahu suami keadaan sebenar.

Mungkin juga dia tidak menyedari tingkah lakunya

membuatkan adik seolah-olah tidak wujud dan tunggu di depannya.

Ini kerana dia tidak diberitahu akan perkara itu. Memang benar adalah sukar untuk mengubah tingkah laku seseorang dalam jangka masa yang sekejap, tetapi ia perlu bermula dengan sesuatu.

Individu tidak boleh kawal orang lain, tetapi boleh mengawal diri sendiri.

Jika segala usaha yang dilakukan adik untuk mengubah keadaan tidak berjaya, anggaplah sikap suami itu sebahagian perwatakannya.

Adik perlu mengawal diri dan menjadi seorang yang gembira. Lakukan apa yang boleh mengembirakan adik dan suami. Sebagai contoh, membelikan sesuatu yang disukainya. Adik perlu memikir dan melakukan perkara yang mengembirakan hidup.

Selain itu, berjumpalah dengan kaunselor. Jika suami tidak mahu, adik boleh berjumpa kaunselor itu seorang diri. Ia boleh membantu adik melihat pilihan yang strategik yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah ini.

Akibat termakan budi, kehormatan diserahkan

Soalan

SAYA berusia 24 tahun dan mempunyai teman lelaki bernama Amin (bukan nama sebenar).

Dia sangat baik terhadap saya dan keluarga. Hubungan kami sudah lama terjalin dan keluarga saya menyukainya serta terhutang budi kepadanya.

Pada mulanya hubungan kami sangat baik dan mesra. Namun, dia pernah berlaku curang terhadap saya dengan menjalinkan hubungan sulit dengan perempuan lain. Perkara itu sudah dua kali berulang, tetapi saya tetap bersabar kerana kami pernah terlanjur.

Perkara itu terjadi tanpa kerelaan hati saya. Namun, kerana budi, saya terpaksa korbankan maruah saya.

Apabila saya bertanyakan mengenai kahwin jawapan dia,

belum bersedia dan tiada duit.

Saya takut untuk memutuskan hubungan ini kerana kami pernah terlanjur.

Dia juga pernah berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Kawan-kawan juga ada yang tidak menyukai hubungan kami. Namun, kerana sayang dan budi, saya terpaksa sabar.

Apabila minta putus, ibu pula menghalang saya untuk berbuat demikian.

Baru-baru ini, saya berkenalan dengan seorang lelaki bernama Johan (bukan nama sebenar).

Dia betul-betul ikhlas berkawan dengan saya dan sanggup menerima saya.

Pada mulanya, saya hanya mengganggu dia kawan. Dek kerana hubungan kami semakin rapat, saya memberanikan diri menceritakan kisah silam dan segala masalah yang dihadapi kepadanya.

Johan pula tidak pernah mengambil kesempatan dan sanggup berkahwin dengan saya.

Bagaimanapun, hubungan kami tidak diterima keluarga kerana saya sudah ada Amin.

Kerana budi, saya terpaksa menerima Amin, tetapi pada masa sama, saya menyayangi Johan. Amin mengetahui hubungan saya.

Saya amat tertekan dengan masalah ini dan tidak tahu bagaimana menjelaskan keadaan sebenar kepada keluarga.

Gadis
Johor

Jawapan

MENGORBANKAN kesucian kerana termakar budi boleh menjerat diri dan juga perniagaan yang terjalin. Cinta dan sayang adalah

perasaan suci yang tidak bersyarat. Tindakan menyerahkan kesucian kerana termakan budi hanya akan mengikat adik kepada satu perhubungan yang meragukan.

Cinta yang suci juga tidak akan pernah melakukan kecurangan.

Jika Amin sering berlaku curang pada ketika ini, tidak mustahil dia boleh mengulangi perbuatannya itu selepas kalian berkahwin nanti.

Persoalannya, bolehkah nanti, adik menerima kecurangannya? Ini kerana kekasih yang baik tidak akan berlaku curang.

Lelaki yang sudah menodai seorang gadis dan tidak bersedia untuk mengatwinnya menunjukkan dia tidak mempunyai komitmen tinggi dan serius dalam perhubungan.

Soal yang mungkin hanya alasan Amin untuk tidak

mahu bertanggungjawab di atas apa yang sudah dilakukannya. Amin juga nyata masih tidak bersedia untuk menjadi suami ketika ini.

Apapun keputusan yang adik ambil, ia perlu berpihak kepada adik. Pilihlah lelaki yang benar-benar menyayangi adik dan seorang yang bertanggungjawab serta mencintai dan dicintai adik.

Dalam hal ini, antara masalah utama adik adalah sikap keluarga yang masih mahukan adik memutuskan perhubungan dengan Amin dan menolak Johan.

Sikap keluarga itu mempunyai rasionalnya. Keluarga adik menyukai Amin kerana pada mereka dia seorang lelaki yang baik. Mereka juga masih tidak mengetahui segala perlakuan tidak baik Amin kerana adik sendiri tidak memberitahu segala kebucikan Amin.

Di sini, adik perlu menyatak keadaan sebenar mengenai diri Amin kepada keluarga.

Selain itu, tetapkan pendirian sendiri siapa lelaki yang akan adik pilih.

Ini kerana adik yang akan melalui kehidupan dengan lelaki yang dipilih terutama dalam alam perkahwinan. Penting untuk bertanggungjawab atas pilihan yang dibuat.

Apapun, alam perkahwinan adalah kehidupan yang penuh dengan cabaran. Siapapun yang adik pilih nanti, cabaran alam perkahwinan tetap akan ada. Cuma, pilihan yang baik boleh mengirangkan risiko cabaran dari dugaan dalam wajaran bahtera perkahwinan. Adik juga akan lebih kuat mengatwinnya jika lelaki itu pilihan adik sendiri.